

Galakan cukai majukan industri minuman

BUTTERWORTH, Isnin — Beberapa skim galakan cukai diperkenalkan untuk menggalakkan industri minuman tempatan yang dijangka berkembang pesat pada masa depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menggalakkan pengeluaran jus dengan menggunakan buah-buahan tempatan dan ia layak dipertimbangkan mengikut Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Penubuhan projek seumpama itu dapat membantu perkembangan industri minuman negara supaya lebih mantap, terutama bagi memastikan pembangunan jangka panjang industri pengeluaran makanan dan industri pemerosesan.

"Usahawan tempatan perlu mengkaji dengan teliti bidang ini dan merebut peluang sedia ada kerana selain memenuhi permintaan tempatan, ia juga mempunyai peluang cerah untuk eksport," ka-

tanya ketika merasmikan Kilang Barkath Co-Ro Manufacturing Sdn Bhd, di Kawasan Perusahaan Mak Mandin, di sini petang ini.

Kilang berharga RM20 juta itu mengeluarkan jus jenama Sunquick melalui usahasama di antara Kumpulan Barkath dan Co-Ro Food dari Denmark.

Dr Mahathir berkata, eksport jus buah-buahan dan sari jus buah-buahan Malaysia tahun lalu hanya bernilai RM17 juta manakala pasaran antarabangsa untuk jus buah-buahan dianggarkan RM11 bilion.

"Oleh demikian, masih banyak peluang untuk syarikat di Malaysia, terutama usahawan Bumiputera untuk menceburi bidang ini dan bersedia bersaing di pasaran antarabangsa," katanya.

Menurut Perdana Menteri, menjadi dasar kerajaan untuk memperkukuh dan mempelbagaikan asas perindustrian negara dan mengikut Pelan Induk

Perindustrian Malaysia.

"Industri pemerosesan makanan dikenal pasti sebagai bidang yang perlu diberi keutamaan dalam pembangunan perindustrian kerana pengeluarannya meningkat dari RM4.6 bilion pada 1986 kepada RM9.4 bilion tahun lalu," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, dianggarkan 70 peratus bahan mentah yang digunakan dalam industri itu masih diimport.

"Walaupun prestasi eksport sektor itu bertambah baik iaitu meningkat dari RM812 juta pada 1986 kepada RM2,026 juta tahun lalu, import turut meningkat dari RM1,129 juta kepada RM2,363 juta.

"Oleh itu, Malaysia keseluruhananya masih menjadi pengimport bersih makanan yang diproses. Keadaan ini perlulah diperbaiki," katanya.

Perdana Menteri memuji kejayaan Kumpulan Barkath mengadakan usaha sama dengan syarikat luar negara.